

06/09/2002

Bahasa Inggeris jadikan bangsa Melayu dihormati

Farid Mahat

IBARAT melentur buluh biarlah daripada rebungunya, begitu jugalah dengan mempelajari bahasa Inggeris.

Jika mahu anak kita pandai dan mampu menguasai bahasa Inggeris adalah baik kalau mereka dilatih berbuat demikian sejak dari kecil lagi.

Oleh itu, saya menyokong pandangan Baharudin Husin dari Melaka yang disiarkan dalam ruangan ini pada 28 Ogos lalu, bahawa penguasaan bahasa Inggeris mampu memperkasakan rakyat Malaysia.

Sememangnya bahasa Inggeris adalah bahasa penting untuk dipelajari pada zaman ini, lebih-lebih lagi negara sedang menekankan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Sebagai sebuah negara yang sedang berkembang maju, rakyat negara ini perlu meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris bagi menguasai ilmu ICT.

Ini penting bagi menjadikan bangsa Melayu sebagai bangsa yang dihormati.

Perdana Menteri kerap mengingatkan orang Melayu supaya tidak lupa diri dan terus berusaha menjadi bangsa dihormati dan disegani. Setiap kali Perhimpunan Agung Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulangi apa yang sedang dan akan berlaku terhadap bangsa Melayu, namun orang Melayu masih tidak mengambil berat apa yang diperkatakannya.

Di manakah silapnya? Adakah orang Melayu bersikap mudah lupa atau leka dalam dunia mereka sendiri.

Kini, ada segelintir orang Melayu masih tidak dapat menerima keputusan kerajaan untuk melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Namun, demi kepentingan negara dari aspek perhubungan diplomatik, ekonomi, dan perdagangan, kita tidak dapat lari daripada tuntutan semasa berkenaan.

Marilah sama-sama kita memberikan komitmen penuh bagi meningkatkan tahap penguasaan bahasa perhubungan antarabangsa itu.

Ini kerana ia penting untuk pembangunan dan kemajuan negara. Sesungguhnya, kita perlu berterima kasih kepada kerajaan kerana melakukan pelbagai usaha untuk meningkatkan martabat negara di mata dunia.

FARID MAHAT,
Ayer Keroh, Melaka.